



KENYATAAN SEBUT HARGA

TARIKH: 18 OGOS 2022

Maklumat Projek

Tajuk Projek	SEBUT HARGA PEMERKASA - KERJA-KERJA PEMBINAAN PAGAR JAJARAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN KASIPILLAY (JALAN ISMAIL GHANEY) WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
No Sebut Harga	RAC.K-B/24/22 (PEM)
Keterangan	- Penyebut Harga yang berminat dan memenuhi syarat-syarat pendaftaran hendaklah MENGISI BORANG SARINGAN WAJIB secara atas talian seperti ketetapan berikut: Tarikh: 19 Ogos 2022 sehingga 25 Ogos 2022 Masa: Tamat pada 11.59 malam (25 Ogos 2022) Pautan: https://forms.gle/YQcCm4shazmUiAvU9  Penyebut Harga yang melepasi Saringan Wajib sahaja layak menyertai Sebut Harga. Penyebut Harga yang layak akan menerima emel pengesahan penyertaan Sebut Harga, makluman tarikh taklimat dan kaedah pembayaran. - Dokumen Sebut Harga dijual dengan harga RM10.00. Penyebut Harga hendaklah membuat pembayaran atas talian (<i>online transfer</i>) secara transaksi segera (<i>instant transfer</i>) dalam tempoh (6) hari daripada tarikh taklimat. - Dokumen Sebut Harga boleh dicapai melalui Storan Atas Talian (<i>Cloud</i>). Pautan muat turun Dokumen Sebut Harga dan kata laluan akan diberikan setelah Penyebut Harga mengemukakan slip bukti transaksi bayaran. - Sebarang kesilapan Penyebut Harga dalam membuat bayaran akan mengakibatkan Penyebut Harga tidak menerima pautan muat turun Dokumen Sebut Harga dan kata laluan.

Maklumat Kontraktor

Taraf	CIDB Gred G2	Jenis syarikat	T1
Kelas	CE	Kategori & Pengkhususan	CE21 (Wajib)
Lain-lain Pendaftaran	-		

Maklumat Dokumen Sebut Harga

Harga	RM 10.00	Bayaran Secara Atas Talian	e-melkan bukti transaksi kepada alamat e-mel perolehan@rac.gov.my dan salinkan kepada e-mel hasil@rac.gov.my
Tarikh mula dokumen boleh dimuat turun	06/09/2022	Tarikh akhir dokumen boleh dimuat turun	09/09/2022
Capaian muat turun	Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun (<i>Download</i>) melalui capaian URL yang akan diemelkan kepada Penyebut Harga yang melepasi saringan awalan		
Tarikh ditutup	13/09/2022	Waktu ditutup	12:00 tengah hari
Tempat ditutup	Unit Perolehan, Perbadanan Aset Keretapi, Aras 15, IOI City Tower 2, Lebuhr IRC, IOI Resort City Putrajaya, 62502 Sepang, Selangor.		

Lawatan Tapak

Tidak wajib. Walau bagaimanapun, kontraktor yang **melempi saringan awalan RAC dan disenarai pendek** bagi tujuan pembelian dokumen sebut harga **dan lengkap 2 dos vaksin**, dijemput untuk menghadiri **Taklimat Tapak di Jalan Kasipillay (Jalan Ismail Ghaney) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 01/09/2022 jam 10.30 pagi** bagi mendapatkan penerangan ringkas daripada pihak RAC.

Penghantaran Dokumen Sebut Harga

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebut Harga di penjuru kiri sebelah atas sampul** serta dikemukakan **sebelum atau pada 13 September 2022 jam 12.00 tengah hari** ke alamat:

PENGURUS BESAR
PERBADANAN ASET KERETAPI
Aras 15, IOI City Tower 2,
Lebuhr IRC, IOI Resort City Putrajaya,
62502 Sepang, Selangor.

Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan secara serahan tangan / pos berdaftar / kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam Arahan Kepada Penyebut Harga.

Penyebut Harga dinasihatkan supaya merujuk iklan sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) dilaksanakan. Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga di atas boleh diajukan kepada Unit Perolehan RAC di talian 03 - 8939 0200 atau emel perolehan@rac.gov.my